



# **MAJLIS PERASMIAN PUSAT TIMBANG DAN STOR (PTS) KG. MELAYU RAYA, SEGAMAT**

## **UCAPAN PERASMIAN**

**YG. BHG. TAN SRI RAHIM TAMBY CHIK**  
PENGERUSI RISDA

PTS KG. MELAYU RAYA,  
SEGAMAT, JOHOR  
7 JULAI 2008  
10.30 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan  
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berhormat Ayub Rahmat  
ADUN Kemelah

Yang Berhormat Datuk Sulaiman Taha  
ADUN Tenang

Yang Dihormati En. Kaab bin Alias  
Pengarah RISDA Negeri Johor

Wakil Pegawai Daerah Segamat

Ketua-ketua Agensi

Serta Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

## **1.0 PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah, dapat kita berkumpul pada hari ini untuk Majlis Perasmian Pusat Timbang dan Stor (PTS) Kg. Melayu Raya, Segamat. Saya berharap Dato'2, Tuan-tuan dan Puan-puan dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita.

3

Setinggi penghargaan dan tahniah kepada RISDA kerana mengaturkan satu Majlis seumpama ini yang begitu berfaedah kepada masyarakat pekebun kecil di lapangan Dengan terlaksananya program ini, bermakna satu lagi kemudahan yang disediakan oleh RISDA dapat dinikmati masyarakat Kg. Melayu Raya serta Kampung-kampung disekitarnya.

## **2.0 PEMASARAN SECARA BERKELOMPOK**

Pemasaran hasil merupakan faktor penting dalam menentukan pendapatan yang diperolehi oleh pekebun kecil. Dalam melaksanakan penanaman semula, kita boleh melaksanakan kerja-

4

kerja penyediaan tanah, penanaman, penyelenggaraan sehingga peringkat pengeluaran hasil dengan amat baik tetapi biasanya kita tersungkur di pintu pemasaran... Inilah yang biasanya menjadi masalah kepada masyarakat luar bandar. Tuan-tuan dan puan-puan dipermainkan oleh orang tengah. Jika dijalankan secara individu ataupun berselerak dan tidak tersusun, gred kualiti, peratus Kandungan Getah Kering (KGK) atau Kadar Perahan Minyak (OER) yang ditawarkan oleh pembeli tidak menentu. Harga yang ditawarkan lebih rendah dari yang sepatutnya dengan alasan kualiti hasil adalah rendah.

Untuk mengatasi masalah inilah, RISDA mewujudkan Pusat Timbang dan Stor ini supaya tuan-tuan dan puan-puan dapat jualkan hasil secara berkelompok dan dijual terus ke kilang tanpa melalui orang tengah dan dapat memperolehi harga yang lebih tinggi. Dengan harga yang lebih tinggi ini, saya mencadangkan supaya rebate atau insentif di beri kepada pekebun kecil-pekebun kecil yang menjualkan hasil ke PTS ini. Insentif ini boleh dilaksanakan berdasarkan kualiti getah yang dihasilkan ataupun kuantiti hasil. Contohnya getah yang bersih tanpa bendasing di beri insentif kualiti 5-10 sen/ kg dan insentif kuantiti jika melebihi 30 tan diberi kepada pekebun kecil. Dengan adanya sistem ini,

lebih ramai lagi pekebun kecil akan menjual hasil mereka kepada PTS ini. Dengan kuantiti hasil yang besar, Pusat ini mampu mempunyai kuasa penawaran yang lebih besar dengan pihak kilang.

### **3.0 MENAMBAH NILAI HASIL GETAH PEKEBUN KECIL (VALUE-ADD)**

Selain daripada pemasaran hasil secara kelompok ini, RISDA juga bercadang untuk menilai tambahkan hasil getah supaya harga yang diperolehi pekebun kecil lebih tinggi. Langkah RISDA adalah dengan membawa pemprosesan ke kebun. Hasil getah pekebun

7

kecil di nilai tambah dengan memproseskan getah skrap menjadi getah *Crepe*. Melalui pemprosesan ini, kualiti hasil dan kandungan getah kering dapat ditingkatkan. Dengan ini hasil dapat di jual dengan harga yang lebih tinggi dan pendapatan pekebun kecil meningkat. Kos pelaksanaan Projek getah crepe ini adalah dalam lingkungan RM 200,000.00.

Sebagai permulaan pada tahun ini, RISDA telah mengenalpasti 2 kawasan untuk dijadikan projek perintis iaitu di Pendang, Kedah dan satu lagi adalah di Kg. Melayu Raya ini. Syabas! Tuan-tuan dan Puan-puan amat bertuah kerana di pilih untuk melaksanakan projek ini antara yang paling awal. InsyaAllah, dengan

8

perlaksanaan projek ini, Tuan-tuan dan Puan-puan dapat menikmati faedah berganda, syukur Alhamdulillah.

#### **4.0 PEMBAYARAN DIVIDEN TANAM SEMULA KOMERSIAL (TSK)**

Bagi tempoh sukutahun kedua (April-Jun 2008), pihak RISDA akan menyampaikan dividen yang bernilai RM 3.017 juta khusus bagi 2,390 peserta TSK Negeri Johor dengan keluasan lebih kurang 3,000 hektar. Pada hari ini, seramai 200 orang peserta TSK

9

Daerah Segamat akan menerima dividen dan bagi peserta-peserta lain, dividen ini akan dimasukkan kedalam akaun masing-masing. Pemberian dividen kepada peserta-peserta TSK pada hari ini adalah salah satu kejayaan RISDA yang telah membangunkan tanah-tanah pekebun kecil secara berkumpulan dan diurus secara komersial. Saya pasti jika kebun-kebun ini tidak diuruskan secara berkumpulan dan komersial, besar kemungkinan dan sudah pasti kebun ini tidak dapat dibangunkan dan hanya ditinggalkan begitu sahaja. Ini adalah kerana purata keluasan hak milik tanah pekebun kecil adalah terhad kepada 2 hektar kebawah. Maka pihak kerajaan menggalakkan supaya pekebun kecil menanam semula

secara berkumpulan. Langkah RISDA melaksanakan tanam semula berkumpulan dan juga diuruskan secara komersial adalah salah satu cara dan tindakan terbaik supaya kos perbelanjaan dapat dikurangkan iaitu dengan adanya ekonomi bidangan.

Saya percaya usaha yang dilaksanakan oleh RISDA dalam memajukan dan membangunkan kebun-kebun milikan pekebun kecil secara berkelompok dan komersial sudah tentu dapat meningkatkan penggunaan teknologi baru setanding dengan ladang swasta dan seterusnya akan memberi faedah bersama kepada pekebun kecil. Usaha ini adalah selaras dengan dasar

kerajaan yang mahukan agensi kerajaan seperti RISDA membawa perubahan dalam corak berladang atau bertani di masa akan datang.

Semoga dengan bayaran dividen yang diterima nanti dan dalam keadaan kenaikan harga minyak dan barang makanan masa ini, gunakanlah wang tersebut dengan berhemah dan jangan lupa menabung atau menyimpan untuk masa depan.

## **5.0 BANTUAN TANAM SEMULA KALI KE 4**

Bantuan Tanam Semula telah bermula pada tahun 1952. Tanam Semula kali kedua (TS 2) diluluskan pada 23 April 1974, manakala Tanam Semula kali ketiga (TS 3) pula pada 13 Jun 1991. Selepas tempoh 16 tahun Tanam Semula kali ke 3 (TS3) dilaksanakan, sejumlah 6,258.75 hektar kebun getah tua telah ditanam semula dengan pelbagai jenis tanaman terutamanya getah dan sawit. Kini kebun-kebun ini telah layak untuk Tanam Semula Kali Ke 4 (TS4). Mesyuarat Pihak Berkuasa RISDA kali ke 199 pada 26 Jun 2008 telah meluluskan Pelaksanaan Rancangan Bantuan Tanam Semula Ke 4 (TS 4).

13

Dengan ini, saya mengumumkan Bantuan Tanam Semula kali keempat kini di luluskan untuk pekebun kecil yang layak menyertai TS 4 mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

## **6.0 PENUTUP**

Kita sebagai rakyat yang dilahirkan di bumi Malaysia yang aman dan berpotensi ini seharusnya bersyukur atas segala nikmat yang sedang kita kecapi ketika ini. Adalah menjadi harapan RISDA supaya pekebun kecil terus merebut peluang-peluang yang disalurkan oleh Kerajaan dan memberi komitmen untuk menjayakan apa-apa aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan.

14

RISDA hanya boleh merancang dan membantu tetapi pekebun kecil sendiri mestilah menetapkan matlamat hidup mereka dan berusaha untuk mencapainya manakala yang lain diserahkan kepada ALLAH S.W.T.

Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil Johor untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan-puan akan terus maju dan meningkatkan produktiviti.

15

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz **bismillahirrahmanirrahim** saya merasmikan Pusat Timbang dan Stor Kg. Melayu Raya.

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**

16